

17.6.1981.

Keputusan benar Harun tanding dibuat secara kolektif

KUALA LUMPUR, Selasa. — Keputusan membolehkan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris bertanding merebut kerusi Naib Presiden dalam Perhimpunan Agung UMNO dibuat oleh majlis tertinggi parti secara kolektif, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Sr. Mahathir Mohamad menjelaskan hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan tidak ada seorang pun yang boleh menuntut bahawa individu berkenaan mempengaruhi Majlis Tertinggi dalam menentukan sama ada Datuk Harun boleh bertanding atau tidak pada 26 Jun ini.

"Keputusan majlis adalah secara kolektif dan semua anggota menghormati Datuk Hussein Onn sebagai Presiden parti yang mengumumkan Datuk Harun boleh bertanding," tambah beliau kepada para pemberita di Ibupejabat UMNO.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika mengulas laporan akhbar tempatan yang menyebut Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, bertanggungjawab mendesak supaya Datuk Harun dibenarkan bertanding.

Datuk Seri Dr. Mahathir berpendapat beliau tidak nampak bagaimana akhbar-akhbar boleh menonjolkan seorang individu sebagai juara yang memperjuangkan nasib Datuk Harun.

Ditanya bagaimana urusan mesyuarat yang sepatutnya rahsia dibocorkan beliau secara berseloroh berkata, "mungkin ada antara ahli majlis yang makan gaji dengan akhbar-akhbar." — Bernama.